

PERANAN ORGANISASI ISLAM DALAM GERAKAN DAKWAH MUALAF DI SABAH

[THE ROLE OF ISLAMIC ORGANIZATIONS IN THE DAKWAH MUALAF MOVEMENT IN SABAH]

MOHD ASWAN MOHD AMIN¹ & ABDUL GHAFAR DON^{1*}

^{1*} Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Correspondent Email: a.g.don@ukm.edu.my

Received: 29 April 2021

Accepted: 29 May 2021

Published: 1 June 2021

Abstrak: Perkembangan Islam dan dakwah antara lain ditunjangi dengan gerakan secara organisasi atau tanzimi atau jama'i. Dakwah para rasul telah menjadikan gerakan secara tanzimi sebagai asas kekuatan dalam menunjangi perjalanan dakwah mereka. Asas dakwah secara organisasi ini telah dijelaskan dalam al-Qur'an, Surah Ali Imran ayat 52, 104 dan 110 dan Surah al-Saff ayat 14. Perkembangan gerakan dakwah di Malaysia termasuklah di Sabah mengambil pendekatan yang sama. Justeru itu, artikel ini membincangkan peranan gerakan dakwah di Sabah dengan fokus kepada dua organisasi Islam yang dilihat sinonim dengan perkembangan dakwah Islamiah, iaitu United Sabah Islamic Association (USIA) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS). USIA mewakili organisasi dakwah bukan kerajaan atau NGO manakala JHEAINS pula mewakili badan dakwah kerajaan. Kajian ini adalah kajian kualitatif dengan mengambil kaedah analisis dokumen. Data kajian kemudiannya dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti peranan USIA dan JHEAINS dalam melaksanakan gerakan dakwah terhadap mualaf. Hasil kajian mendapati bahawa kedua-dua organisasi dakwah ini telah berperanan dalam gerakan dakwah mualaf melalui kaedah-kaedah: Pendidikan, ekonomi, memanfaatkan status sosial, ziarah, mabit, jalinan kerjasama, kelas bimbingan al-Qur'an dan fardu Ain dan latihan.

Kata kunci: Peranan, organisasi Islam, gerakan dakwah, mualaf, Sabah.

Abstract: The development of Islam and da'wah among others is supported by organizational movement or in Arabic words tanzimi or jama'i (collectively). The da'wah of Allah's messengers have made the tanzimi movement as a basis of strength in supporting their da'wah journey. The basis of this organizational da'wah has been explained in the Qur'an, Surah Ali Imran verses 52, 104 and 110 and Surah al-Saff verse 14. The development of the dakwah movement in Malaysia, including in Sabah, takes a similar approach. Therefore, this article discusses the role of the dakwah movement in Sabah with a focus on two Islamic organizations that are seen as synonymous with the development of Islamic dakwah, namely the United Sabah Islamic Association (USIA) and the Sabah Islamic Religious Affairs Department (JHEAINS). USIA represents non-governmental dakwah organizations or NGOs while JHEAINS represents governmental dakwah bodies. This study is a qualitative study by using the method of document analysis. All the obtained data analysed thematically to identify the role of USIA and JHEAINS in implementing the dakwah movement towards mualaf or the converts. The results of the study reveal that these two dakwah organisations have played a role in the mualaf da'wah movement through the methods of education, economics, utilizing social status, visit, mabit (camping), cooperation, Qur'an guidance class and fardu Ain and training programs.

Keywords: Role, Islamic organization, dakwah movement, mualaf, Sabah

Cite This Article:

Mohd Aswan Mohd Amin & Abdul Ghafar Don. 2021. Peranan organisasi Islam dalam gerakan dakwah mualaf di Sabah [The role of Islamic organizations in the dakwah mualaf movement in Sabah]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(2), 42-52.

PENGENALAN

Struktur masyarakat Sabah terdiri daripada pelbagai etnik dan kaum seperti Kadazan Dusun, Murut, Bajau, Melayu Brunei, Cina, India dan bumiputera lain. Walaubagaimanapun, tidak terdapat satu etnik atau kaum yang melebihi jumlah 50 peratus daripada jumlah keseluruhan masyarakat di Sabah (Zaini Othman dan Sabihah Osman). Masyarakat Sabah pada asalnya tidak menganut sebarang agama, atau lebih dikenali sebagai atau *pagan* (Ismail Yusof, 2004) khususnya dalam kalangan masyarakat etnik Kadazan Dusun, Murut dan bumiputera bukan Islam yang lain. Etnik-etnik ini lebih mengamalkan kepercayaan animisme yang terikat dengan tradisi masing-masing. Kepercayaan dan agama masyarakat tempatan kemudiannya mula berubah kepada agama Islam, Kristian, dan lain-lain melalui pengaruh semasa pendudukan Syarikat Borneo Utara British (SBUB), gerakan *missionari* dan dakwah para ulama.

Kedatangan Islam di Sabah dikatakan bermula sekitar abad ke-10 lagi. Hal ini dinyatakan melalui catatan dan sumber terawal yang menjelaskan bahawa agama Islam telah tersebar di negeri ini melalui aktiviti perdagangan yang dijalankan oleh orang Arab di Canton, China sekitar abad ke-10 (Islam di Sabah, hlm. 2). Pedagang tersebut dipercayai telah datang daripada kawasan perdagangan yang bernama *Mai* atau Mindoro yang terletak di Kepulauan Sulu ke Canton pada tahun 982M (Muhiddin 1990: 2). Para sarjana berpendapat bahawa sebuah penempatan persinggahan orang Arab telah wujud di Kepulauan Sulu, yang kemudiannya memainkan peranan yang penting dalam menyebarkan agama Islam di kepulauan tersebut. Sehubungan dengan itu, penduduk tempatan di sekitar kawasan tersebut dikatakan mula memeluk agama Islam pada sekitar abad ke-14 dan ke-15. Hal ini dibuktikan melalui penemuan batu nisan orang Islam di Bud Dato, Jolo yang bertarikh 1310M (Muhiddin 1990: 3).

Terdapat juga sumber yang menyatakan bahawa penyebaran Islam di Sabah berlaku melalui peranan Brunei. Hal ini disokong oleh catatan Dinasti Sung yang menyatakan bahawa terdapat satu kerajaan Islam yang terletak di pesisir pantai Laut China Selatan dan dikenali sebagai *Pu-ni* (Para sarjana berpendapat bahawa kerajaan *Pu-ni* yang dimaksudkan dalam catatan Dinasti Sung merupakan kerajaan Kesultanan Brunei, Lihat Islam di Sabah, hlm. 3) atau *P'o-ni* (Haji Mokhtar Ramli, Sejarah Islam dan Perjuangan Ulama Sabah, Kuala Lumpur: ABIM Negeri Sabah, hlm. 1). Dinasti ini mencatatkan bahawa sekitar tahun 977 masihi, *Pu-ni* telah menghantar utusan yang diketuai oleh P'u Ali ke kerajaan tersebut (Islam di Sabah, hlm. 3). Bukti tersebut dapat merangkumkan bahawa Islam telah berada di sekitar kawasan Sabah pada abad ke-10 walaupun terdapat percanggahan pendapat sejarawan bahawa *Pu-ni* yang dinyatakan sebenarnya terletak di kawasan pantai barat Pulau Borneo. Namun, percanggahan tersebut masih lagi membuktikan bahawa kerajaan *Pu-ni* terletak di sekitar kawasan Sabah. Kemasukan Islam daripada Brunei turut didukung oleh sejarah awal, di mana Brunei pernah menguasai wilayah Sabah (Ismail Yusoff, 2004:74) sebelum wilayah ini diberikan kepada Kesultanan Sulu dan Syarikat British. Perkara ini dibuktikan oleh catatan orang barat iaitu Antonia Pigafeta yang mengatakan bahawa Brunei atau *Borney* mempunyai lebih kurang 25 000 orang penduduk (Haji Mokhtar Ramli, Sejarah Islam dan Perjuangan Ulama Sabah, Kuala

Lumpur: ABIM Negeri Sabah, hlm. 3). Sekitar tahun 1590 hingga 1593 pula, Perez Dasmarinas, penulis yang berasal daripada Sepanyol, mencatatkan keadaan Brunei semasa keberadaan beliau di Manila (Haji Mokhtar Ramli, Sejarah Islam dan Perjuangan Ulama Sabah, Kuala Lumpur: ABIM Negeri Sabah, hlm. 3). Beliau mencatatkan bahawa *Borney* diperintah oleh Sultan Nula Alan. Kawasan pemerintahan sultan tersebut dikatakan meliputi kawasan Tanon Salamangayao' atau Simpang Mengayau (Kudat) sehinggalah ke kawasan Sambas (Haji Mokhtar Ramli, Sejarah Islam dan Perjuangan Ulama Sabah, Kuala Lumpur: ABIM Negeri Sabah, hlm. 3) (Sarawak). Manakala, beberapa daerah di sekitar pantai barat Sabah seperti Weston, Kuala Penyu, Sipitang, Membakut dan Papar dikatakan telah menerima Islam melalui Brunei sekitar akhir abad ke-15 hingga awal abad ke-16 (Muhidin Yusin, 1990:4). Walaupun terdapat catatan mengenai kerajaan Islam *Pu-ni* inintelah wujud sekitar abad ke-10 lagi, kebenaran fakta ini sukar dipercayai oleh para sarjana kerana tiada bukti ditemui (Muhidin Yusin, 1990:4). Namun, terdapat ulama yang menyatakan bahawa kerajaan Brunei telah mula menerima Islam sekitar tahun 1264 melalui penemuan batu-batu nisan Puteri sultan Abdul Majid Ibni Sultan Mohammad Shah, Tuang Pu Kung Chih dan lain-lain di Kota Batu Brunei (Haji Mokhtar Ramli, Sejarah Islam dan Perjuangan Ulama Sabah, Kuala Lumpur: ABIM Negeri Sabah, hlm. 11.). Terdapat juga ulama yang mengatakan bahawa Kesultanan Brunei yang menjalankan pemerintahan berdasarkan ajaran Islam dikatakan telah wujud sekitar tahun 1400 lagi tetapi kerajaan ini mengambil masa yang lama untuk menerapkan sistem pemerintahan kerajaan Islam dan menyebarkan agama Islam ke seluruh kerajaannya (Haji Mokhtar Ramli, Sejarah Islam dan Perjuangan Ulama Sabah, Kuala Lumpur: ABIM Negeri Sabah, hlm. 11.). Dalam penemuan bukti yang seterusnya, sarjana menyatakan bahawa Islam di Brunei telah bermula sejak abad ke-15, apabila Sultan Brunei yang memerintah pada abad tersebut iaitu Alak ber Tata mula memeluk Islam (Muhidin Yusin, 1990:4). Bukti-bukti yang dikemukakan oleh para sarjana dan ulama jelas menyimpulkan bahawa Brunei telah menerima ajaran Islam seawal abad ke-12 tetapi kerajaan ini telah mengambil masa yang lama untuk menerapkan ajaran Islam ke dalam sistem pemerintahan beraja kerajaan tersebut sebelum mewujudkan sebuah Kesultanan Brunei yang kuat di Kepulauan Borneo. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan penduduk di bahawa pemerintahan Kesultanan Brunei yang meliputi kawasan Kudat ke Sambas menerima pengaruh Islam, khususnya dalam kalangan etnik Bajau dan Kedayan (Haji Mokhtar Ramli, Sejarah Islam dan Perjuangan Ulama Sabah, Kuala Lumpur: ABIM Negeri Sabah, hlm. 10. & 12).

Perkembangan agama Islam semakin pesat apabila wujudnya organisasi Islam yang lebih teratur dan sistematik bermula sekitar tahun 1950-an. Peranan dakwah Islamiah di Sabah pada peringkat awalnya dilaksanakan oleh organisasi-organisasi Islam seperti Persatuan Islam Putatan (PIP), Persatuan Islam Tawau (PIT) dan Persatuan Islam Sabah (PIS). Perkembangan gerakan dakwah Islamiah di Sabah semakin berjaya melalui peranan yang dimainkan oleh organisasi Persatuan Islam Seluruh Sabah (USIA) yang diwujudkan pada tahun 1969. Dengan adanya persatuan ini, umat Islam di Sabah dilihat semakin berkembang dan berubah statusnya daripada golongan minoriti kepada majoriti.

GERAKAN DAKWAH MUALAF SABAH

Pada peringkat awal kemasukan Islam di Sabah, kewujudan institusi Islam hanyalah dalam skop dan peranan yang kecil sahaja iaitu untuk mengajar umat Islam mendalami ilmu agama seperti membaca Al-Quran dan cara untuk solat. Institusi ini menjalankan sistem pendidikan agama secara tidak formal dan dikenali sebagai “pondok pasaran” atau *Mecca School* sama seperti sistem yang terdapat di Terengganu serta Kelantan (Ismail Yusoff, 2004:74). Walaupun tiada catatan rasmi mengenai sistem pendidikan agama awal di Sabah, tidak menafikan bahawa sistem ini telah dijalankan secara tidak formal secara turun-menurun oleh penduduk tempatan yang beragama Islam. Hal ini disokong Sabihah Osman yang menyatakan bahawa pendidikan orang Islam telah wujud di Sabah sejak sebelum kedatangan Syarikat Borneo Utara British (SBUB) lagi (Sabihah Osman, 1981:1) Walaubagaimanapun, institusi ini hanya dijalankan secara kecil-kecilan di kawasan perkampungan yang mempunyai sistem perhubungan yang baik sahaja (Ismail Yusoff, 2004:74.)

Selain itu, masjid juga dijadikan sebagai pusat untuk mengembangkan ajaran Islam di Sabah. Para ulama dan pendakwah bergerak ke masjid, surau dan rumah penduduk tempatan untuk melaksanakan ajaran mengaji Al-Quran dan cara hidup Islam sehinggalah pada tahun 1950-an, di mana institusi Islam yang lebih kukuh seperti sekolah-sekolah agama Islamiyah mula ditubuhkan oleh PIP, PIS dan PIT (Haji Mokhtar Ramli, Sejarah Islam dan Perjuangan Ulama Sabah, Kuala Lumpur: ABIM Negeri Sabah, hlm, 15.) Menurut tradisi orang Islam tempatan pula, sistem pendidikan agama ini hanya dijalankan oleh ibu bapa. Mereka memberikan pelajaran asas seperti undang-undang Islam dan cara-cara untuk sembahyang (Muhiddin Yusin, 1990:10.). Kemudian, anak-anak mereka akan diserahkan kepada guru agama untuk mengajar cara membaca Al-Quran secara berkelompok (Muhiddin Yusin, 1990:10).

Pendidikan agama secara tidak formal ini akhirnya akan melahirkan generasi yang pakar dalam ilmu agama Islam. Mereka akan menjadi ketua masyarakat, imam dan hafiz (Muhiddin Yusin, 1990:11). Kewujudan generasi seperti inilah yang melangsungkan tradisi pendidikan tidak formal Islam sehingga ke zaman penjajahan. Perkara inilah yang menyebabkan penduduk Islam mampu mengekalkan ajaran Islam dalam jangka masa yang lama.

Walaubagaimanapun, sistem pendidikan agama tidak formal ini hanya dipraktikkan oleh penduduk tempatan yang beragama Islam sahaja. Tahap pengetahuan mereka pula hanya menumpukan kepada perkara asas Islam seperti undang-undang Islam, mengaji Al-Quran, cara solat, berpuasa dan beberapa perkara asas yang lain. Oleh itu, agama Islam kurang berkembang di Sabah pada awalnya. Kegiatan dakwah pula agak terhad di kawasan yang mudah dicapai dan kurang dijalankan di kawasan pedalaman.

Perkembangan kemudiannya menyaksikan gerakan dakwah mualaf dirancang dan dilaksanakan secara lebih tersusun terutamanya selepas kemerdekaan, pembentukan Malaysia pada tahun 1963 dan tertubuhnya USIA pada tahun 1969. Gerakan dakwah yang tersusun ini di samping lain-lain faktor telah menyumbang kepada pertambahan jumlah mualaf atau penganut Islam di Sabah. Menurut data JAKIM (2016) Sabah merupakan negeri yang mencatatkan jumlah tertinggi yang memeluk Islam (mualaf), sejak 1992 hingga 2004, di Malaysia. (<http://www.islam.gov.my/informasi/statistik Saudarabarur.html> (2/3/2016). Hal ini menurut

Hakim et al (2016) menunjukkan sikap terbuka masyarakat Sabah terhadap kehadiran agama dalam kehidupan mereka.

Kemunculan organisasi gerakan dakwah di Sabah selain membimbing muallaf memahami dan mengamalkan Islam dengan baik dalam kehidupan juga didorong oleh wujudnya gerakan misionari Kristian yang cuba mengKristiankan masyarakat Islam. Setelah beberapa abad, jumlah penganut Islam di Sabah mula bertambah. Namun, pada sekitar abad ke-18 agama Kristian mula diperkenalkan semasa Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBUB) bertapak dengan kukuh di Sabah. Menurut Eko Prayitno Joko, Baszley Bee Basrah Bee, Sabihah Othman, & Saat Awg Damit (2016) persaingan dan diskriminasi terhadap Islam menyebabkan semangat nasionalisme atau kebangkitan Islam muncul demi mempertahankan kepentingan agama dan penganut Islam di Sabah. Pengaruh nasionalisme dan kebangkitan Islam di Brunei, Tanah Melayu dan Indonesia menyebabkan beberapa pertubuhan Islam diwujudkan dan dipimpin oleh golongan ulama dan pemimpin Islam di Sabah seperti Mandur Sharif, Tengku Nuruddin dan Haji Suhaili (Ismail Yusof, 2004). Antara pertubuhan-pertubuhan yang lahir adalah Pertubuhan Sahabat Pena Malaya (PASPAM) Cawangan Sabah, Parti Barisan Pemuda (BARIP), Parti Kebangsaan Melayu (PKM) dan Khairat Jumaat Muslimin (KJM). Namun, usaha pertubuhan yang bersifat politik ini tidak dapat dilancarkan dengan berkesan dan berhenti di tengah jalan kerana disekat oleh pihak British. Menurut Muhiddin Yusin (1990), Sekitar tahun 1950an pula, Persatuan Ikhwan Sabah ditubuhkan hasil daripada pengaruh majalah Kalam yang dikeluarkan oleh Persatuan Ikhwan Muslimin Singapura. Persatuan ini didaftarkan secara rasmi pada 27 September 1957 untuk menggalakkan ahlinya mematuhi Rukun Islam dan menegakkan syiar Islam di Sabah. Namun, persatuan ini hanya mampu bertahan sehingga tahun 1959 dan terubur dengan sendiri atas faktor masalah dalaman persatuan tersebut.

Perkembangan pada akhir 50an dan era 1960-an adalah lebih baik di mana beberapa persatuan Islam yang lebih berorganisasi dan aktif menjalankan kegiatan Islam mula ditubuhkan di beberapa tempat di Sabah. Pada tahun 1955, Persatuan Islam Tawau (PIT) yang berpusat di Tawau ditubuhkan oleh Datuk Haji Abu Bakar Titingan, kemudian Persatuan Islam Putatan (PIP) yang diasaskan oleh Haji Awang Sahari bin Abdul Latif pula diwujudkan pada tahun 1959, dan Persatuan Islam Sabah (PIS) yang diketuai oleh Haji Yusuf Shamsuddin yang berpusat di Kota Kinabalu pula ditubuhkan pada tahun 1960. Berbanding PIS dan PIT, PIP merupakan persatuan yang aktif dalam perjuangannya untuk memartabatkan syiar Islam. PIP berjaya menyumbangkan pembinaan Madrasah Tahzibiah di Putatan pada tahun 1960, manakala PIT pula berjaya menubuhkan sekolah agama di Tawau.

Kewujudan pelbagai organisasi Islam di peringkat awal ini bagaimanapun tidak diselaraskan dengan baik. Malah lebih memburukkan keadaan, organisasi dakwah ini dilihat bersaing di antara satu sama lain, bukan bersifat lengkap melengkap. Justeru, timbul kesedaran kemudiannya dalam kalangan pemimpin Islam Sabah agar gerakan dakwah perlu dilaksanakan secara seragam dan selaras dengan mengetepikan kepentingan peribadi. Hasil kesedaran ini telah membawa penubuhan ahli Jawatankuasa Penaja untuk merangka undang-undang pertubuhan baru dan mengadakan satu kongres untuk mewujudkan satu pertubuhan baharu yang boleh menyatukan gerakan dakwah umat Islam. Hasil usaha tersebut, Kongres penubuhan yang dinamakan Persatuan Islam Seluruh Sabah atau United Sabah Islam Association (USIA) diadakan pada 14, 15 dan 16 Ogos 1969 di Dewan Masyarakat Kota Kinabalu dengan

membawa tujuan menjaga kepentingan umat Islam di seluruh Sabah dalam aspek pendidikan, kebajikan, iktisad dan hal agama yang lain (Muhiddin Yusin, 1990: 38). Kemunculan pertubuhan USIA menandakan permulaan era yang baharu dalam perjuangan Islam di Sabah. USIA memainkan peranan yang sangat penting dan signifikan dalam perkembangan Islam di Sabah.

Perkembangan gerakan dakwah di Sabah juga sinonim dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) sebagai badan berautoriti agama. JHEAINS berperanan dalam menentukan hala tuju gerakan dakwah Islamiah di Sabah dan memastikan gerakan dakwah dapat dipertahan dan ditubuhkan pada 1 Januari 1996 (Bahagian Penyelidikan dan Informasi, JHEAINS). Secara dasarnya dari segi operasinya JHEAINS tertakluk kepada Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) sebagai badan induk pembuat dasar berkaitan hal ehwal Islam di Sabah.

Rasional penubuhan JHEAINS juga adalah selaras dengan peranannya sebagai agensi pelaksana dan penguatkuasa bagi MUIS dan selaras dengan enakmen pentadbiran undang-undang Islam, no. 13/1992. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) mempunyai visi dan misi yang jelas. Misi JHEAINS adalah untuk menjadi sebuah institusi yang berwibawa dalam mengembangkan syiar Islam dan melahirkan masyarakat yang sejahtera. Manakala, misi yang dipegang oleh JHEAINS adalah mewujudkan pengurusan hal ehwal Islam yang cekap dan berkesan serta mempunyai matlamat yang jelas iaitu menjadi sebuah organisasi contoh dalam mengangkat martabat ummah ke arah mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat berasaskan nilai-nilai taqwa (Bahagian Penyelidikan dan Informasi, JHEAINS).

Secara hakikinya, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) berfungsi dan berperanan melaksanakan enakmen dan dasar-dasar yang digubal oleh MUIS, menguatkuasakan undang-undang Islam berkaitan kekeluargaan Islam seperti perkahwinan, perceraian, nafkah dan penjagaan anak, pengawalan sekolah-sekolah agama Islam, penguatkuasaan dan pendakwaan kesalahan-kesalahan jenayah Syariah, mengurus tadbir sekolah agama negeri, masjid dan surau, pelaksanaan, pemantauan dan pengukuhan (*consolidate*) aktiviti dakwah dan perkara-perkara lain berhubung dengannya serta meneruskan tugas dan tanggungjawab melaksanakan perkhidmatan yang sebelum ini dilaksanakan oleh Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS).

PENDEKATAN DAKWAH MUALAF ORGANISASI ISLAM

Bergerak atas asas penubuhan untuk mengembangkan dakwah dan menjaga agama dan kebajikan golongan muallaf, maka Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) telah melaksanakan pelbagai pendekatan, iaitu:

Program Bimbingan dan Pendidikan

Demi memantapkan Islam di Sabah, ahli jawatankuasa USIA telah menyedari kepentingan pendidikan agama dalam kehidupan umatnya. Oleh itu, mereka telah melancarkan beberapa inisiatif bagi mewujudkan sekolah-sekolah agama. Sekitar tahun 1969 hingga 1970, USIA telah meluluskan peruntukan bagi membiayai pembinaan bangunan sekolah dan madrasah. Selain itu, menurut Emin Hadi (2009) menyatakan bahawa USIA juga mula mementingkan kemajuan

umat Islam dalam pelajaran. Beberapa pelajar Sabah telah dihantar untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti Brunei dan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS). USIA turut mengambil inisiatif menubuhkan Baitun Nur (Rumah Cahaya) atau dikenali juga sebagai Pusat Bimbingan Saudara Kita yang menyediakan kelas bimbingan kepada golongan mualaf pada tahun 2008. Pusat bimbingan ini mampu menampung 45 orang yang akan diberikan pelajaran mengenai Al-Quran, fardu ain, akidah dan fikrah umum. USIA turut mendapat sokongan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (Menteri di Jabatan Perdana Menteri) yang menyarankan USIA bekerjasama dengan Pusat Rawatan Islam (PUSRAWI) di Kuala Lumpur, di mana pelajar kejururawatan boleh dihantar belajar di institusi tersebut buat sementara waktu menunggu Kolej Islam USIA untuk mula beroperasi.

USIA juga melaksanakan (Muhammad Hilmi 2009) pelbagai aktiviti-aktiviti dakwah secara berfokus dalam meningkatkan kefahaman Islam mualaf dalam bidang pendidikan ini. Misalnya melalui Pendidikan dengan menerbitkan bahan bacaan iaitu Sinar USIA yang mana telah berjaya memudahkan Saudara Baharu untuk mendapatkan bahan bacaan bagi mendalami ilmu agama Islam. Seaspirasi dengan USIA, JHEAINS juga mengambil tanggungjawab dan peranan yang sama dalam aspek Pendidikan mualaf. Bagi seorang mualaf yang telah memeluk agama Islam di Negeri Sabah khususnya, pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam negeri Sabah (JHEAINS) akan memaklumkan berkenaan dengan beberapa program khusus kepada mualaf yang telah dirancang bagi memudahkan mereka untuk mendapatkan kefahaman dan ilmu serta tanggungjawab yang perlu dilaksanakan sebagai seorang Muslim yang telah memeluk agama Islam. Kajian yang dijalankan oleh Anuar Puteh, Ahmad Irdha Mokhtar, Abu Dardaa Mohammad, Nur A'thiroh Masyaa'il Tan dan Zawani Ikoh (2014) mendapati antara aktiviti-aktiviti dakwah yang dijalankan adalah seperti kursus pementapan akidah, kursus pengurusan jenazah, kursus penghayatan Islam, kelas bimbingan saudara baru (kelas Fardu Ain dan Membaca Al-Quran) dan Program Konvensyen Pembangunan Saudara Kita.

Aktiviti-aktiviti dakwah ini akan dipantau oleh pegawai-pegawai JHEAINS yang telah terlatih bagi memantau setiap program khusus yang telah dirancang (Abd Hakim, Kasim & Ros Aiza 2016). Hal ini seperti mana kelas pengajian iaitu kelas bimbingan saudara baru yang memfokuskan kepada Fardu Ain dan membaca Al-Quran yang dijalankan pada setiap Sabtu dan Ahad, pada pukul 8 pagi sehingga 12 tengahari di tempat yang telah disediakan oleh pihak JHEAINS. Antara silibus yang difokuskan dalam kelas ini adalah berkenaan dengan Ilmu fardu ain iaitu dari aspek solat, puasa dan sebagainya.

Ekonomi

Ekonomi dari sudut pandangan dan perspektif Islam membawa makna tingkah laku manusia dalam soal mengguna dan menguruskan sumber-sumber alam untuk kepentingan diri dan juga masyarakat bagi mendapat reda Allah. Hal ini dapat dilihat bagaimana strategi yang telah dilaksanakan oleh USIA iaitu dengan melancarkan majlis USIA Niaga yang mana mampu membawa dan menentukan hala tuju perjuangan USIA. Emin Madi (2009) menjelaskan bahawa USIA memulakan corak dakwah yang baru apabila jawatan Yang Dipertua USIA diambil alih oleh Tun Haji Sakaran Dandai. Beliau dan organisasi baru USIA berusaha untuk memulihkan kemerosotan USIA, terutamanya dalam hal kewangan. Usaha tersebut berjaya dan mereka mula mengerakkan semula aktiviti dakwah USIA, tetapi lebih kepada dakwah dalam masyarakat

Islam. Bermula waktu tersebut, Tun Haji Sakaran menyatakan bahawa beliau mahu menjadikan USIA sebagai pertubuhan Islam yang dinamik dan berdaya saing, khususnya dalam bidang pendidikan dan ekonomi, sambil meneruskan peranan utamanya dalam gerakan dakwah. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, USIA melancarkan Hala tuju USIA atau *Blueprint* pada tahun 2006, untuk membangunkan ekonomi, pendidikan, dakwah, insan dan hubungan antarabangsa umat Islam di Sabah dan USIA. USIA mula memperjuangkan hak dan kepentingan umat Islam Sabah, menjalinkan kerjasama dengan badan bukan kerajaan, meningkatkan pendidikan, mengadakan perancangan ekonomi dan amal jariah

Selain itu, USIA juga turut menceburkan diri dalam bidang pembangunan hartanah yang bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan dalam usaha menegakkan syiar Islam. Malahan, USIA juga menjalankan usaha sama dengan syarikat swasta bagi membangunkan USIA Plaza di Lahad Datu. Bahkan, usaha ini juga dapat dilihat bagaimana USIA menubuhkan Koperasi Khusus ahli-ahlinya yang bertujuan untuk membantu mempertingkatkan ekonomi masyarakat Islam khususnya ahli-ahli USIA (Nur A'thiroh Masyaa'll Tan & Abdul Imam Basirun, 2014: 11) Program ekonomi seperti ini adalah penting khususnya dalam menggerakkan usaha dakwah membimbing golongan mualaf ke arah kehidupan yang lebih baik. Dakwah secara ekonomi dan mobilisasi harta ini adalah selaras dengan gesaan al-Qur'an agar umatnya berjihad dengan menggunakan harta (Al-Qur'an, Surah al-Tawbah 9:41).

Di samping itu juga, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) turut memaklumkan kepada saudara baharu yang telah memeluk agama Islam untuk memohon bantuan di Zakat Sabah yang telah disediakan bagi membantu sedikit dari aspek ekonomi mereka dalam menjalankan kehidupan harian. Bahagian Zakat & Fitrah (MUIS), Sabah menerusi sumber zakat asnaf Zakat Sabah menyediakan beberapa bantuan kebajikan terhadap mualaf sebagai tanda galakan dan dorongan bagi meningkatkan komitmen golongan ini kepada agama Islam. Razaleigh Muhamat Kawangit (2015:12) berpendapat bahawa bantuan yang diberikan ini merupakan hak dan wajib diberikan kepada golongan ini. Malahan, bantuan yang diberikan ini juga merupakan satu usaha bagi melembutkan hati golongan mualaf untuk terus menjalankan kehidupan sebagai seorang yang bergelar Muslim (Mariam 2011:143-144).

Memanfaatkan Status Sosial

Kajian Juhari Hasan dan Muhd Syahrul Nizam (2017) mendapati bahawa antara strategi USIA dalam mengembangkan dakwah di Sabah ialah memanfaatkan status sosial dalam kalangan anggotanya sendiri. Hal ini kerana, terdapat beberapa anggota USIA merupakan pegawai di dalam kementerian dan Pemerintah Malaysia yang mempunyai pengaruh yang besar terhadap keberadaan USIA di persada dunia. Hal ini dibuktikan melalui penulisan tersebut dalam wawancara yang telah dijalankan dengan Sufian Bahrin yang merupakan Ketua Belia Sandakan USIA, Bahagian Sandakan (2017) mengatakan bahawa USIA satu-satunya organisasi dakwah di Sabah yang mendapatkan dua kuota haji dari Pemerintah Arab Saudi untuk setiap tahun. Hal ini menunjukkan bahawa status sosial dalam anggota yang menjadi salah satu strategi dalam mengembangkan dakwah Islam khususnya di Sabah dalam organisasi USIA amat memainkan peranan yang sangat penting kerana setiap anggota yang memiliki kedudukan di dalam kementerian mahupun mana-mana badan kerajaan secara sukarela telah mewakafkan status

sosialnya untuk kepentingan agama dan dakwah di Sabah. Oleh yang demikian, perkara ini sedikit sebanyak memberikan manfaat kepada golongan mualaf sama ada dari aspek dalaman mahupun luaran.

Ziarah Kampung Mualaf

Program menziarahi kampung-kampung telah dimulakan sejak tahun 1969 untuk memastikan ajaran agama Islam dapat disampaikan sehingga ke kawasan pedalaman Sabah dan juga untuk menjalinkan silaturahmi dengan penduduk di kampung-kampung tersebut. Menurut penulisan Juhari Hasan & Muhd Syahrul Nizam (2017) menyatakan antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah mengadakan gotong-royong, kenduri dan ceramah. Bahkan, Pihak USIA juga turut menjalankan program ziarah ke masjid-masjid, klinik dan rumah golongan miskin untuk memberikan bantuan dari segi kewangan, makanan dan perubatan. Oleh yang demikian, berdasarkan strategi ini mampu untuk mengikat silaturahmi masyarakat dengan USIA kerana ia melibatkan semua elemen masyarakat yang berbeza kaum, etnik dan agama.

Program ziarah mualaf juga antara agenda JHEAINS. Aktiviti dakwah ini merupakan suatu program yang mana ianya bertujuan untuk menyebarkan lagi dakwah bukan hanya kepada orang Islam sahaja akan tetapi ianya juga untuk menarik orang bukan Islam untuk sama-sama menghayati agama Islam dengan sebaiknya. Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail (2018: 12), aktiviti ziarah kariah ini merupakan program yang telah disusun oleh setiap bahagian negeri untuk memantau dan meninjau keadaan semasa mualaf di luar kelas mahupun program yang diadakan oleh setiap jabatan yang berautoriti. Malahan, aktiviti ziarah ini juga seharusnya diteruskan dan dijalankan di semua negeri kerana ianya merupakan suatu usaha dakwah yang baik bagi memperlihatkan sisi Islam dari aspek keprihatinan masyarakat Islam kepada golongan mualaf khususnya (Azman Abdul Rahman, 2015: 144). Bahkan, aktiviti ziarah ini juga merupakan aktiviti yang mana dapat mendekati diri dengan masyarakat setempat sekaligus membina silaturahmi sesama Islam dan bukan Islam (Anuar Puteh, Ahmad Irdha Mokhtar, Abu Dardaa Mohammad, Nur A'thiroh Masyaa'il Tan dan Zawani Ikh (2014:5).

Mabit

Mabit merupakan Kata yang berasal daripada perkataan bahasa Arab yang membawa maksud menginap atau bermalam dalam terminologi dakwah dan tarbiah. Dalam wawancara yang telah dijalankan dalam kajian Juhari Hasan & Muhd Syahrul Nizam (2017) bersama Zulkeflee Abu Bakkar merupakan Pembantu Sekretariat USIA, Bahagian Sandakan mengatakan bahawa dalam mendekati organisasi USIA ini terhadap masyarakat maka USIA mengadakan program tersebut untuk mendekati dan bersama warga di kampung serta pedalaman khususnya. Bahkan, menurut Haji Pangeran (2016) turut mengatakan bahawa antara aktiviti yang dijalankan dalam program *mabit* ini antaranya ialah untuk menyampaikan dakwah seperti bentuk ceramah, tazkirah, dan perbincangan yang dilaksanakan oleh masjid. Pendekatan ini merupakan suatu strategi yang mempunyai keberkesanan yang besar dalam menyantuni masyarakat di kawasan pedalaman khususnya bagi menyelami masalah-masalah yang mereka hadapi.

Jaringan Kerjasama

Kerjasama merupakan suatu inisiatif yang sangat penting dalam mengembangkan dakwah sesebuah organisasi yang ingin berkembang. Kerjasama merupakan sebuah strategi yang efektif dalam rangka mencapai sesuatu tujuan dan objektif dalam sesebuah organisasi. Dapatan temubual Juhari Hasan terhadap Sufian Bahrin (2017) menyatakan bahawa USIA menggunakan strategi kerjasama ini dalam menyampaikan dakwah dengan Lembaga-lembaga dakwah yang lain seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan organisasi-organisasi dakwah yang lain. Oleh yang demikian, dengan terjalinnnya kerjasama antara USIA dan Lembaga-lembaga dakwah yang lain maka peluang dan ruang dalam mengadakan program-program dakwah akan mendapat bantuan dan sokongan daripada kerjasama tersebut khususnya dakwah terhadap mualaf.

KESIMPULAN

USIA dan JHEAINS telah memainkan peranan yang penting dalam menggerakkan dan menyebarkan dakwah Islam di negeri Sabah khususnya dalam menyantuni golongan mualaf. Perkembangan dakwah Islamiah dan kebajikan golongan mualaf banyak ditentukan oleh usaha-usaha yang dilaksanakan melalui pelbagai program dan aktiviti yang direncana dan dilaksanakan oleh kedua-dua organisasi dakwah ini. Bagi memperkasakan lagi gerakan dakwah mualaf di Sabah, kedua-dua organisasi tidak boleh bergerak secara bersendirian. Jaringan kerjasama dengan pelbagai agensi, kerajaan dan swasta serta organisasi dakwah NGO adalah perlu dalam rangka melaksanakan dakwah terhadap golongan mualaf secara selaras dan bersepadu. Persaingan antara organisasi Islam sebaliknya akan melemahkan gerakan dakwah kepada mualaf.

RUJUKAN

al-Quran al-Karim

- Abd Hakim Mohad, Kasim Mansur & Ros Aiza Mohd Mokhtar. 2016. Dakwah Islam di Sabah, Malaysia: Satu Eksplorasi Awal. *Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia*, 1(2):151-166.
- Abdul Ghafar Don, Anuar Puteh & Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. 2009. *Islam dan Saudara Kita*. Shah Alam: BPI, MAIS.
- Anuar Puteh, Ahmad Irdha Mokhtar, Abu Dardaa Mohamad, Nur A'thiroh Masyaa'il Tan & Zawani Ikoh. 2014. Peranan JHEAINS (Kota Belud) Dalam Menjalankan Aktiviti Dakwah Kepada Golongan Saudara Baru- Satu Pengenalan. *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik* 2014.
- Emin Hadi. 2009. *Sinar Perjuangan USIA*. Kota Kinabalu: Pertubuhan Islam Seluruh Sabah.
- Eko Prayitno Joko. 2016. *Pengislaman Dalam Kalangan Dusun Ranau 1940-1976*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Johari Alias. 1977. *Perkembangan Ugama Islam di Sabah*. Buku Cenderamata Perasmian Masjid Negeri Sabah, h.35

- [Http://www.islam.gov.my/informasi/statistik-saudarabarur.html](http://www.islam.gov.my/informasi/statistik-saudarabarur.html) (2/3/2016);
- Ismail Yusof. 2004. *Politik dan Agama di Sabah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamdin Buyong. 1999. Perjuangan Kemerdekaan di Sabah: Satu Kesenambungan Cetusan Kebangkitan Islam. *Seminar Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia*, 11-13 September 2000. h.9.
- Juhari Hasan & Muhd. Syahrul Nizam. 2017. Strategi United Sabah Islamic Association (USIA) dalam Mengembangkan Dakwah di Kota Kinabalu, Malaysia. *Jurnal Membangun Profesional Managemen Dakwah*. 3(1): 1-18.
- Muhiddin Yussin. 1990. *Islam di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Najion Jamil. 2010. *Pembentukan Malaysia dan Impaknya terhadap Perkembangan Islam di Sabah*. Sabah: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah.
- Noreha Che Abah, Asmawati Suhid & Fathiyah Mohd Fakhrudin. 2019. Isu dan Cabaran Saudara Baharu di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Al-Anwar*, 8(2): 1-13.
- Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah & Abdul Imam Basirun. 2014. Pendekatan united Sabah Islamic Association (USIA) Terhadap Peribumi Di Negeri Sabah: Tinjauan dari segi Ekonomi. *Seminar Antarabangsa Dakwah dan Etnik 2014: Da'wah and Ethnicity: Multidisciplinary Perspective*, 21 Nov 2014, UMS, hlm.1-14.
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2015. *Pembangunan Dakwah Kontemporari Kepada Saudara Baru di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sarip Abdul. 2014. Sumber Pengetahuan Beragama dan Tahap Kefahaman Muallaf di Bahagian Pantai Barat Sabah. *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014*
- Suraya Sintang. 2005. Sejarah Perkembangan Muallaf di Sabah; Peranan dan Sumbangan USIA (United Sabah Islamic Association). *Jurnal al-tamaddun*, 1, 51-90.
- Zulkefli Aini, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Abd. Hakim. Mohad, Kassim Mansur & Ros Aiza Mohd Mokhtar. 2015. Dakwah di Sabah: Tinjauan ke Atas Permasalahan Muallaf. Kertas Kerja yang Dibentangkan dalam *Bicara Dakwah 2015*.
- Zaini Othman & Sabihah Osman. 2008. Pembangunan Politik Sabah: Satu Penulusuran Sejarah, *Kinabalu Jurnal Perniagaan dan Sains Sosial*, 14: 1-27.